

# JPJ naik taraf sistem ke arah pendigitalan

Dikemas kini 2 hari yang lalu · Diterbitkan pada 23 Oct 2021 5:10PM · 0 Komen



*Zailani berkata, setakat ini usaha pendigitalan JPJ sudah mencapai 50%. – Gambar Facebook, 23 Oktober, 2021.*

JABATAN Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang menaik taraf sistem perkhidmatannya ke arah pendigitalan secara berperingkat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian kepada pelanggan.

Ketua Pengarahnya Zailani Hashim, berkata pendigitalan itu membabitkan semua perkhidmatan JPJ termasuk memperbaharui lesen kenderaan motor selaras dengan slogan sambutan Jubli Platinum (Ulang Tahun ke-75) JPJ pada April lalu iaitu “Digitalisasi Melestari Integriti”.